

24/07/2002

Doa rakyat beri Ras kekuatan

Suzan Ahmad

KETIKA ini penyampai sukan TV3, Ras Adiba Radzi sudah pun berada di Sydney, Australia untuk menjalani pembedahannya. Apa yang pasti, sebelum pemergiannya ke sana, bantuan yang tiba begitu mencurah-curah dalam sekelip mata.

Selain bantuan kewangan, Ras juga tidak ketinggalan mendapat sokongan moral. Dia berasa cukup bertuah kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudi meluangkan masa menjenguknya di Pusat Perubatan Pantai (PMC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya terharu kerana ramai pihak sudi melawat saya, terutama Dr Mahathir.

"Bagi saya doa dan sokongan semua pihak memulihkan kekuatan semangat saya untuk meneruskan hidup ini.

"Apa yang pelik, ketika PM melawat, saya tidak pula gugup. Ini kerana Dr Mahathir melayan saya seperti pesakit dan saya menerimanya sebagai seorang doktor. Rasa pelik pun ada kerana beliau yang menemuramah saya dan bukan sebaliknya," kata Ras.

Antara lain kata Ras, Dr Mahathir menekankan masalah berkaitan saraf bukan sesuatu yang boleh dibuat main-main.

"Kata Dr Mahathir, awak kena pulih cepat, kalau tidak, siapa yang akan menulis sajak untuk saya," cerita Ras sambil tersenyum.

Ketika wakil Persada Seni melawatnya di Bilik 207, baru-baru ini, Ras turut menerima kunjungan wakil Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) yang menghulurkan derma RM5,000. Sumbangan itu disampaikan Pengurus Komunikasi, Fauziah Abdul Aziz dan Penolong Pengurus Perhubungan Awam, T Khirlinah T Khadtap.

Sehingga Isnin lalu, sebelum berlepas ke Australia, derma yang terkumpul untuk membiayai pembedahan Ras mencecah hampir RM400,000. Antara pihak yang menderma ialah Yayasan Budi Penyayang Malaysia, TV3, Persatuan India Muslim Malaysia dan Malaysian Resources Corporation Bhd.

Ras berlepas ke Sydney bersama ibu saudaranya, Wan Zuraidah Abu serta doktor Jabatan Kecemasan PMC, Profesor Dr Ernest Yeo dan dua krew TV3 yang turut membuat liputan di sana.